

Pendirian kerajaan terhadap vape, rokok

Pilih pendekatan sederhana kawal selia produk rokok dan bernikotin

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Kerajaan mengambil pendekatan sederhana dalam usaha mengawal selia semua produk rokok termasuk bahan mengandungi nikotin ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan drastik seperti mengharamkan semua produk berkaitan rokok dan vape tidak mampu mengawal masyarakat menghentikan tabiat mereka.

"Kita ambil tindakan memberi kesedaran tetapi mengambil tindakan ekstrem (iaitu) mengharamkan vape, nikotin, rokok itu agak drastik dan tidak mampu dikendalikan oleh mana-mana negara dunia.

"Itu sebab kerana ramai orang (masih) pilih untuk merokok walaupun kita keluarkan kempen sama seperti arak.

"Jadi sementara kita berkempen mengenai kesan negatif (rokok), tetapi kita teruskan dengan (mengenakan) percukai-an sekadar untuk tidak menjadikan bahan itu tersebar luas dan murah.

"Saya setuju bahawa badan-badan kesihatan profesional semuanya tanpa kecuali termasuk doktor, memang menentang keras soal ini tetapi pada

PERSIDANGAN PARLIMEN KE-15



Kerajaan mengakui bahawa mengharamkan semua produk berkaitan rokok dan vape tidak mampu kawal masyarakat daripada menghentikan tabiat mereka.

pandangan kerajaan buat sementara ini sukar untuk mengharamkan tetapi kita boleh meningkatkan kesedaran," katanya pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat)** mengenai implikasi tindakan kerajaan menyahsenaraikan produk cecair dan gel nikotin yang digunakan dalam alat rokok elektronik daripada Akta Racun 1952 yang seolah-olah menggadaikan masa depan generasi muda yang terdedah kepada keagihan dan penyakit berkaitan rokok.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tambun tersebut memaklumkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membentangkan rang undang-undang

berkaitan kawalan produk merokok termasuk rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua yang dijangka pada Mei nanti.

"Kerajaan akan mempergiatkan kempen advokasi kesedaran menolak vape dan merokok harus ditingkatkan," jelasnya.

Semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari lalu, kerajaan mengumumkan cadangan untuk mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan peranti pengewapan elektronik.

Pada 1 April lepas pula, media melaporkan kerajaan menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml).